

Usaha memperkasakan pelancongan pendidikan

UMP terima tiga bot kayuh

UTUSAN Kuantan (UMP) 6/11/17 (2501/17) 1/16: 37

Oleh MOHAMAD SHOFIMATISA

pengarang@utusan.com.my

■ Kuantan 5 NOV.

UNIVERSITI Malaysia Pahang (UMP) menerima tiga bot kayuh baru-baru ini bagi membantu usaha menjadikan universiti berkenaan sebagai pusat pelancongan pendidikan.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, bot-bot tersebut berupaya menarik minat pengunjung untuk menikmati pemandangan di sekitar kampus.

Menurut beliau, langkah itu juga akan menarik perhatian mereka untuk singgah ke Kompleks Medan Ikan Bakar dan Pusat Pemrosesan Hasil Laut di Kuala Pahang yang terletak berhampiran UMP.

"UMP menghargai sumbangan ini selaras dengan usaha UMP dalam inisiatif penghijauan kampus dan cintakan alam sekitar di bawah Inisiatif Hijau UMP. Sebelum ini, UMP telah menerima sepasang rusa Axis-Axis yang diberi nama 'Pekan' dan 'Chini' yang kini menjadi tarikan bagi pelawat.

"Objektif utama adalah untuk menjadikan UMP sebagai salah satu tarikan pelancongan pendidikan kepada pengunjung seterusnya menjadikannya sebagai satu jemaah yang turut membantu peningkatan mutu bagi promosi Medan Ikan Bakar dan bandar Pekan. Program ini juga dapat menyediakan persekitaran yang kondusif kepada pengunjung serta mempromosikan



DAING NASIR IBRAHIM (dua dari kanan) menerima bot kayuh yang diserahkan oleh Mohd Mazlan Sharudin (tengah) dalam majlis yang diadakan di Pusat Rekreasi Air UMP Pekan di Kuantan, Pahang baru-baru ini.

gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat," katanya.

Penyerahan ketiga-tiga bot kayuh tersebut kepada Daing Nasir disempurnakan oleh Pengurus Besar Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), Datuk Mohd. Mazlan Sharudin di Pusat Rekreasi Air UMP Pekan di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMP, Prof. Datuk Ts. Dr. Rosli Mohd. Yunus dan Pengarah Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP, Abd. Rahman Safie.

Daing Nasir berkata, perkhidmatan bot dikendalikan oleh Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP dengan

menganakan sewaan pada kadar RM5 bagi 15 minit atau RM8 bagi 30 minit manakala bagi kanak-kanak pula, mereka memerlukan pengawasan daripada penjaga semasa menaik bot.

Beliau memberitahu, perkhidmatan tersebut disediakan setiap Isnin hingga Jumaat, mulai pukul 5 petang hingga 7 petang.

"Terdapat juga tawaran pakej perkhidmatan bagi aktiviti perkhidmatan di Tapak Perkhidmatan Pusat Rekreasi Air ini. Maklumat lanjut boleh berhubung dengan Pusat Sukan dan Kebudayaan di talian 09-549 3221/09-424 5753 atau Nor Azazi (017-912 5936) atau Ahmad

Azlan (012-264 1503)," katanya.

Sementara itu, Mohd. Mazlan berkata, projek itu merupakan salah satu daripada beberapa komponen Strategi Pemantapan Serambi-Bandar Pekan-Kuala Pahang.

"Inisiatif ini merupakan kerjasama di antara pihak ECERDC dan UMP di bawah program pemerkasaan ECER Mahkota bagi membantu meningkatkan daya tarikan pengunjung ke kawasan Kuala Pahang selari dengan pembangunan Kompleks Medan Ikan Bakar dan Pusat Pemrosesan Hasil Laut yang baharu beroperasi tahun ini," katanya.